

23/07/2000

Pemilik saham lebih berharta

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Bumiputera perlu mengikis pendapat tanah adalah harta dan punca kekayaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, sumber kekayaan bukan hanya tanah, tetapi memiliki perniagaan dan perusahaan yang boleh dimiliki secara langsung, atau melalui pegangan saham.

"Mereka yang memiliki saham biasanya lebih kaya dan berharta daripada pemilik tanah, terutama tanah yang tidak diusahakan secara komersil.

"Sebenarnya, kecekapan berniaga, mengurus dan memiliki saham lebih bermakna daripada pemilikan tanah," kata Perdana Menteri ketika merasmikan MAHA 2000, di Stadium Putra Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, di sini, petang semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Pertanian, Datuk Dr Effendi Norwawi.

Perdana Menteri berkata, jika sikap lama itu dapat dikikis, negara boleh menjadikan sektor pertanian sebagai satu industri yang diurus melalui cara perniagaan moden dan canggih.

Menurutnya, di negara maju, keluasan tanah bukan lagi penentu hasil yang tinggi daripada sektor pertanian, sebaliknya ditentukan oleh kecekapan pengurusan dan penggunaan teknologi tinggi.

Malah, yang menyedihkan kata Perdana Menteri, di Malaysia sebarang pembaharuan untuk tujuan kebaikan menghadapi masalah politik.

"Apabila kita cuba memperkenalkan sesuatu yang boleh memajukan petani umpamanya, ada orang politik yang membuat pelbagai tuduhan dan fitnah hanya kerana kepentingan politik.

"Usaha mereka membangkitkan rasa kebencian di kalangan pihak tertentu. Yang penting bagi mereka ialah kebencian kepada kerajaan akan menguntungkan politik mereka," katanya.

Sambil memberi contoh, Dr Mahathir berkata apabila kerajaan membelanjakan ratusan juta ringgit untuk membangunkan Sistem Perairan Muda, di Kedah, parti pembangkang mengecam dan melemparkan pelbagai fitnah.

"Kerajaan dituduh kononnya hendak memaksa petani bekerja sepanjang tahun tanpa berehat, kerana kononnya sawah padi perlu juga berehat, kain petani tidak akan kering dan bermacam fitnah lagi.

"Hari ini, kita tidak lagi mendengar cakap-cakap yang tidak bertanggungjawab ini, sebaliknya mereka yang dulu melempar tuduhan dengan senang hati turun ke sawah menanam padi dua kali setahun," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, satu lagi kelemahan negara dalam bidang pertanian makanan kerana ia diusahakan secara sambilan dengan kawasan kecil.

Katanya, selain menggalakkan penggunaan mesin dan teknologi baru, kerajaan ingin memperkenalkan peladangan campuran dengan jenis tanaman yang ditanam ditentukan oleh pasaran semasa.

Dr Mahathir berkata, bagi menjayakannya, kerajaan sudah menentukan universiti tempatan untuk mengadakan kursus dan latihan yang berkaitan, selain mempelajari teknik dan kaedah pengurusan terbaik di negara maju.

Mengenai MAHA, Perdana Menteri berkata, apabila program itu dihidupkan semula tahun lalu selepas 31 tahun diberhentikan, ia ternyata mendapat sambutan di luar jangkauan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan memutuskan MAHA dianjurkan sebagai acara tahunan kerana selain memberi banyak faedah, ia sebagai tanda

menghargai sumbangan petani, penternak dan nelayan kepada kemajuan negara.
(END)